

Pekerjaan Luar Diraikan. Kerja Hakiki?

Sepertimana yang kita semua maklum, MATRADE telah mengeluarkan satu pekeliling dalaman berhubung dengan Garis Panduan Kerja Luar pada 15 Oktober 2019 di mana ianya bertujuan untuk menjelaskan mengenai peraturan melaksanakan pekerjaan luar oleh warga MATRADE dengan kelulusan Ketua Jabatan.





Perlu diingatkan di sini dengan kelulusan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh Ketua Jabatan untuk melakukan pekerjaan luar **tidak bermakna** warga MATRADE boleh sewenang-wenangnya menumpukan pekerjaan luar ini pada bila-bila masa sahaja yang yang disukai. Ini termasuklah membuat urus niaga, promosi (baik secara fizikal, melalui telefon, mengguna medium sosial media dan apa sahaja kaedah berkaitan) pada waktu bekerja. Tumpuan warga MATRADE sepatutnya diberikan keutamaan sepenuhnya kepada pekerjaan hakiki di mana warga MATRADE masih lagi terikat dengan peraturan-peraturan MATRADE yang sedia ada lebih-lebih lagi pada waktu bekerja.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap Penyelia memastikan pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing mematuhi arahan dan peraturan semasa yang berkuatkuasa dengan melaporkan kepada Unit Integriti sekiranya didapati ada pegawai dan kakitangannya yang melaksanakan pekerjaan luar tanpa kebenaran ataupun melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Marilah kita menjadi warga MATRADE yang lebih bertanggungjawab dan proaktif dalam mencapai matlamat organisasi yang memerlukan warganya cemerlang dari segi Sikap (Attitude), Nilai (Value) dan juga Budaya (Culture).

PEGAWAI

Melakukan Pekerjaan Luar Adalah Terikat Kepada **Syarat-Syarat** Berikut:

-  Tidak dilakukan semasa waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya;
-  Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun;
-  Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan badan berkanun atau menjadi tak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai pegawai badan berkanun; DAN
-  Tidak menggunakan sebarang kemudahan rasmi pejabat untuk sebarang tujuan berkaitan pekerjaan luar.

